

Headline	Tip persediaan menunaikan haji		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	23 Sep 2013	Circulation	115,967
Section	Supplement	Readership	406,000
Page No	29	ArticleSize	429 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 3,730
Journalist	N/A	PR Value	RM 11,190
Frequency	Daily		



# Tip persediaan menunaikan haji



TAHUN ini, seramai 22,320 jemaah Malaysia bakal menunaikan ibadah haji. Penerbangan pertama jemaah haji dari Malaysia ke Tanah Suci telah berlepas pada 7 September lalu.

Penerbangan akhir pula dijadualkan pada minggu kedua Oktober ini. Justeru, bagi jemaah yang belum bertolak untuk menunaikan rukun Islam kelima itu masih mempunyai masa membuat persediaan.

Selain melengkapkan diri dengan ilmu untuk menyempurnakan ibadah tersebut, persiapan barang yang perlu dibawa juga harus dititikberatkan. Ini disebabkan tanpa lengkap yang rapi, ia akan menyukarkan keadaan jema-

ah ketika berada di Tanah Suci.

Di bawah beberapa tip yang dapat membantu jemaah haji membuat persiapan yang diperlukan :

## 1. Pakaian

Bagi golongan wanita, tiga helai telekung dan tiga pasang stoking sudah memadai kerana ia boleh dipakai dan dibasuh secara bergilir-gilir. Mereka juga tidak perlu membawa baju kurung kerana koleksi jubah ideal untuk dipakai. Namun pastikan himpunan pakaian yang dibawa bersesuaian dengan cuaca dan membantu memudahkan pergerakan.


Sementara itu, bagi lelaki pula, selain membawa tiga helai kain ihram, sehelai kain pelikat yang tidak berjahit juga perlu dibawa bersama. Kain tersebut memudahkan jemaah ke tandas ketika dalam keadaan ihram. Secara tidak langsung penggunaan kain pelikat itu bertindak menjaga kebersihan kain ihram khususnya ketika berada di Arafah dan Mina.

## 2. Ubat-ubatan

Jemaah yang mempunyai penyakit, jangan lupa membawa ubat-ubatan bagi meredakan kesakitan yang dialami ketika berada di sana. Tidak terkecuali, minyak angin, ubat batuk, pelembap bibir dan ubat demam. Selain itu, bagi menjaga kesihatan jemaah disarankan sentiasa meminum air zam-zam.

## 3. Barang

Sejadah juga salah satu item yang perlu dibawa kerana kadangkala



JEMAAH haji dinasihatkan supaya membawa bekalan ubat-ubatan yang secukupnya sepanjang berada di Tanah Suci.

jemaah terpaksa menunaikan solat di luar masjid.

Bagaimanapun, peralatan seperti penyangkut baju, baldi, berus baju dan serbuk pencuci boleh dibeli di sana kerana terdapat banyak kedai yang menjual peralatan tersebut.

## 4. Makanan

Walaupun pihak Tabung Haji menyediakan makanan namun, lebih baik jika membawa makanan tambahan seperti mi segera dan minuman 3 dalam 1 untuk mengalas perut.

## 5. Buku

Bawa buku nota kecil dan mencatatkan pesanan doa daripada keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan. Dalam buku yang sama, anda juga boleh mencatat tempat meletakkan kasut, alamat dan nombor telefon jemaah haji yang baru dikenali.



SETIAP tahun, Kota Mekah menjadi tumpuan berjuta-juta umat Islam dari seluruh dunia untuk menjalani ibadah haji yang merupakan rukun Islam kelima.



SERAMAI 22,320 orang rakyat Malaysia terpilih untuk menunaikan haji pada tahun ini.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai kelebihan mengiklan dalam Kosmo!, sila hubungi pasukan pengiklanan Kosmo! di talian 03-9221 2655.